

07 JUN 2002

SNAP-Wong (Bergambar)/I

PRESIDEN SNAP BERI TAKLIMAT KPD KM DAN PM MENGENAI PERKEMBANGAN PARTI

KUCHING, 7 Jun (Bernama) -- Presiden Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) Datuk Amar James Wong akan memberi taklimat kepada Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai peristiwa yang menyelubungi parti itu.

"Sebagai presiden Snap, saya mahu bertemu Ketua Menteri dan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) secepat mungkin," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Eksekutif Pusat (CEC) parti selama tiga jam di sini.

CEC itu dihadiri 12 daripada 21 anggota CEC tanpa permohonan maaf daripada sembilan anggota dewan undangan engeri yang diketuai timbalan presiden Datuk Seri Peter Tinggom.

Wong memandang serius mesyuarat tidak sah oleh beberapa bahagian di Sibul pada 4 Mei dan di Miri pada 18 Mei yang dianjurkan oleh pemimpin Snap semasa beliau berada di Australia untuk pembedahan dilutut.

Mengenai sama ada beliau mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh parti yang disifatkan krisis kepimpinan oleh kumpulan Tinggom, Wong berkata: "Insyallah".

Sama ada masalah itu sudah sampai pada tahap krisis, beliau berkata: "Adakah kamu nampak sebarang krisis? Kamu dan media yang mengatakannya. Adakah kamu melihat krisis di sini. Ia hanya masalah kecil."

Mengenai sama ada wujud usaha baru-baru ini untuk mengulingkannya, beliau berkata selama ini ... dan semua orang mahu menjadi presiden. Orang kata saya akan meletakkan jawatan."

Katanya sudah banyak kali beliau menjelaskan bahawa pada umur 80 tahun, beliau tidak akan kekal selama-lamanya.

"Jika ada sesiapa yang sesuai untuk mengambilalih, saya gembira untuk melepaskannya. Terpulanglah kepada 150,000 anggota parti untuk memilih," katanya.

Wong mengeaskan bahawa beliau tidak berhasrat untuk "menghalau" orang daripada parti itu.

Sama ada sembilan anggota terbabit akan menemui beliau untuk menyelesaikan masalah, beliau berkata: "Terpulang kepada mereka. Saya masih presiden parti... saya hanya mendengar dan membaca daripada akhbar mengenai keadaan parti."

Mengenai injunksi mahkamah untuk menghalang kumpulan Tinggom mengadakan mesyuarat Majlis Kebangsaan pada 9 Jun, beliau berkata: "Terpulang kepada peguam kami untuk menguruskannya dan gembira kerana mahkamah membenarkannya. Kami juga menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan perlu ke atas sembilan anggota terbabit yang menganjurkan mesyuarat CEC yang tidak sah pada 24 Mei itu.

Mengenai perlu ada usaha untuk menghalang NC itu, Wong berkata ianya tidak sah termasuk CEC yang dipengerusikan oleh Tinggom dan tidak menerima notis mengengainya.

Wong berkata tidak sorangpun daripada mereka yang menghantar surat semasa beliau dirawat di Australia.

Beliau berkata biarkan keadaan berlalu sehingga Persidangan Perwakilan Tiga tahun sekali pada Februari depan.

-- BERNAMA

FLL LAT